

HARI SABTU
20 MEI 1995



LAPORAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEMBILAN
NINTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT PERTAMA
FIRST MEETING

Hari Sabtu
20 Mei 1995

LAPORAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEMBILAN
NINTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA

First Session

MESYUARAT YANG PERTAMA

First Meeting

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Pemilihan Speaker	3
2.	Mengangkat Sumpah Oleh Speaker	4
3.	Mengangkat Sumpah Oleh Ahli-Ahli Dewan	5
4.	Penangguhan	6

Laporan Persidangan

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KESEMBILAN**

**MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGKAL YANG PERTAMA**

Hari Sabtu, 20 Mei, 1995

*(Tempat: Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)*

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tuan Haji Yahaya bin Abdul Hamid) - Ahli Kawasan Pinang Tunggal.
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Koh Tsu Koon) - Ahli Kawasan Tanjong Bungah
- Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dato' Mohd. Shariff bin Haji Omar) - Ahli Kawasan Permatang Berangan.
- " " Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Ahmad Zaki bin Haji Husin)
- " " Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- " " Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Kang Chin Seng)
- " " Ahli Kawasan Seberang Jaya (Encik Abdul Latiff bin S. Mirasa)
- " " Ahli Kawasan Perai (Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
- " " Ahli Kawasan Bukit Tengah (Dato' Liong Ah Sow @ Liang Thau Sang)
- " " Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Ahmad bin Saad)
- " " Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun)
- " " Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar bin Ibrahim)
- " " Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan)
- " " Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Koay Kar Huah)
- " " Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Abd. Rashid bin Abdullah)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Dr. Toh Kin Woon)

" " Ahli Kawasan Paya Terubong (Dr. Loh Hock Hun)

" " Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Puan Jahara binti Hamid)

" " Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik Lim Boo Chang)

" " Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Lee Hack Teik)

" " Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Syed Amerruddin bin Syed Ahmad)

" " Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Teng Chang Yeow)

" " Ahli Kawasan Jawi (Puan Tan Cheng Liang)

" " Ahli Kawasan Bertam (Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)

" " Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Gim Soon)

" " Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Ooi Theng Bok)

" " Ahli Kawasan Penanti (Encik Daud bin Taha)

" " Ahli Kawasan Sungai Puyu (Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)

" " Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lye Siew Weng)

" " Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Jasmin bin Mohamed)

" " Ahli Kawasan Berapit (Encik Lau Chick Tuan)

" " Ahli Kawasan Batu Lanchang (Puan Chong Eng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)

" " Ahli Kawasan Telok Bahang (Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)

TURUT HADIR:

Cik Tan Lee Lee (Setiausaha, Dewan Undangan Negeri)

Dewan bersidang pada jam 9.40 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesembilan dimulakan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

1. DOA

2. PEMILIHAN SPEAKER

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Peraturan 1, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, apabila sahaja Dewan bersidang bagi kali yang pertama selepas dibubarkan, Dewan hendaklah memilih seorang Speaker, maka dengan ini saya menjemput pencalonan bagi jawatan Speaker.

Ketua Menteri:

Puan Setiausaha, mengikut Peraturan 1, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Ahli dari Pinang Tunggal, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Yahaya bin Abdul Hamid dipilih menjadi Speaker Dewan ini. Yang Berhormat Ahli dari Pinang Tunggal telah mengatakan bahawa beliau sanggup berkhidmat sebagai Speaker sekiranya dipilih. Kini saya serahkan surat berkenaan daripada Yang Berhormat Pinang Tunggal.

(Surat diserahkan kepada Setiausaha Dewan)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Dato' Mohd. Shariff b. Haji Omar):

Puan Setiausaha, saya menyokong cadangan itu.

Setiausaha Dewan:

Terima kasih. Adakah cadangan-cadangan yang lain untuk jawatan Speaker? Kalau tidak, saya mengisytiharkan Yang Berhormat Ahli dari Pinang Tunggal, Tuan Haji Yahaya bin Abdul Hamid dipilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sekarang dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Yahaya bin Abdul Hamid mara ke hadapan untuk mengangkat sumpah

sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan seterusnya menandatangani sumpah tersebut.

3. MENGANGKAT SUMPAH OLEH SPEAKER

Tuan Speaker:

Saya, Yahaya bin Abdul Hamid, setelah dipilih sebagai seorang Ahli Dewan Negeri bagi Negeri Pulau Pinang dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Pulau Pinang dan Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha Dewan:

Yang Berhormat Tuan Speaker dijemput ke kerusi Speaker.

(Tuan Speaker mengambil tempatnya).

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas pemilihan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang iaitu Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menjadi Speaker Dewan yang mulia ini. Saya akan berusaha untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan jawatan yang penting ini dengan seberapa yang sempurna demi menegakkan Perlembagaan Negeri dan memastikan peraturan mesyuarat dipatuhi.

Antara tugas-tugas yang terpenting yang akan saya utamakan ialah penelitian semula peraturan-peraturan mesyuarat supaya selaras dengan keperluan-keperluan semasa dan peraturan-peraturan Parlimen serta Dewan-dewan Undangan Negeri yang lain. Memandangkan terdapatnya ramai ADUN yang baru, maka saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat mendalami dan mematuhi peraturan-peraturan yang ada agar setiap persidangan Dewan dapat berjalan dengan lancar dan semua urusan mesyuarat dapat disempurnakan dengan jayanya. Politik kepartian dan peribadi hendaklah diketepikan.

Kita semua telah diberi keyakinan dan kepercayaan oleh rakyat untuk mewakili kepentingan mereka dalam Dewan yang mulia ini. Kita perlu mendukung undang-undang yang dibuat dan kita mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama meneliti, membahaskan dan mencapai satu penemuan dalam isu-isu penting demi faedah Dewan dan rakyat Negeri Pulau Pinang. Kita perlu memenuhi kewajipan ini dengan penuh disiplin, berintegriti dan bertanggungjawab tanpa mengira kedudukan dan parti politik.

Akhirkata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat.

4. MENGANGKAT SUMPAH OLEH AHLI-AHLI DEWAN

Ahli-ahli Dewan mengangkat dan menandatangani Sumpah Jawatan sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang seperti aturan di bawah ini:-

YAB. Dr. Koh Tsu Koon (Ahli Kawasan Tanjong Bungah),
Ketua Menteri

YB. Dato' Mohd. Shariff bin Haji Omar (Ahli Kawasan Permatang Berangan).

YB. Dr. Sak Cheng Lum (Ahli Kawasan Bagan Jermal).

YB. Dr. Kang Chin Seng (Ahli Kawasan Sungai Pinang).

YB. Encik Abdul Latiff bin S. Mirasa (Ahli Kawasan Seberang Jaya).

YB. Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy (Ahli Kawasan Perai).

YB. Dato' Liong Ah Sow @ Liang Thau Sang (Ahli Kawasan Bukit Tengah).

YB. Tuan Haji Ahmad bin Saad (Ahli Kawasan Permatang Pasir).

YB. Encik Lim Chien Aun (Ahli Kawasan Bayan Lepas).

YB. Encik Azhar bin Ibrahim (Ahli Kawasan Penaga).

YB. Dr. Teng Hock Nan (Ahli Kawasan Kebun Bunga).

YB. Encik Koay Kar Huah (Ahli Kawasan Bukit Gelugor).

YB. Encik Abd. Rashid bin Abdullah (Ahli Kawasan Sungai Aceh).

YB. Dr. Toh Kin Woon (Ahli Kawasan Machang Bubok).

YB. Dr. Loh Hock Hun (Ahli Kawasan Paya Terubong).

YB. Puan Jahara binti Hamid (Ahli Kawasan Telok Air Tawar).

YB. Encik Lim Boo Chang (Ahli Kawasan Datuk Keramat).

YB. Encik Lee Hack Teik (Ahli Kawasan Pengkalan Kota).

YB. Tuan Syed Amerruddin bin Syed Ahmad (Ahli Kawasan Telok Kumbar).

YB. Encik Teng Chang Yeow (Ahli Kawasan Padang Kota).
YB. Puan Tan Cheng Liang (Ahli Kawasan Jawi).
YB. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid (Ahli Kawasan Bertam).
YB. Encik Lim Gim Soon (Ahli Kawasan Kampong Kolam).
YB. Encik Ooi Theng Bok (Ahli Kawasan Sungai Bakap).
YB. Encik Daud bin Taha (Ahli Kawasan Penanti).
YB. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee (Ahli Kawasan Sungai Puyu).
YB. Encik Lye Siew Weng (Ahli Kawasan Ayer Itam).
YB. Encik Jasmin bin Mohamed (Ahli Kawasan Sungai Dua).
YB. Encik Lau Chiek Tuan (Ahli Kawasan Berapit).
YB. Puan Chong Eng (Ahli Kawasan Batu Lanchang).

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini selesailah sudah Upacara Mengangkat Sumpah.

5. PENANGGUHAN

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Dato' Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar)

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan. Ahli-ahli Yang Berhormat dan para jemputan dijemput ke Dewan Jamuan untuk menikmati jamuan teh. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.